

09 JAN 1999

Abang-Lantik

ABANG ABU BAKAR BERAZAM TERUSKAN KECEMERLANGAN ATM

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Datuk Abang Abu Bakar Mustapha yang dilantik sebagai Menteri Pertahanan semalam berazam meneruskan kecemerlangan dan mengekalkan imej perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Yang penting sekali ialah agenda untuk meneruskan kecemerlangan angkatan tentera bukan sahaja sebagai benteng utama pertahanan negara malah untuk meningkatkan tahap profesionalisme perkhidmatan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan rombakan Kabinet yang menyaksikan Abang Abu Bakar dilantik sebagai Menteri Pertahanan dan sebelum ini beliau merupakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Beliau mengisi jawatan itu yang dikosongkan oleh Datuk Seri Syed Hamid Albar yang dilantik sebagai Menteri Luar menggantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri.

Abang Abu Bakar menganggap perlantikannya itu sebagai cabaran yang perlu ditangani mengikut situasi semasa walaupun beliau pernah memegang jawatan Timbalan Menteri Pertahanan dari Julai 1981 hingga 1990.

Beliau turut berterima kasih kepada Dr Mahathir berikutan perlantikannya itu serta menyatakan sokongan penuh dan taat setia kepada kepimpinannya bagi menjayakan perjuangan, aspirasi dan wawasan untuk memartabatkan bangsa, agama dan negara.

"Sebagai rakyat Malaysia dan negeri Sarawak, saya menumpang rasa bertuah dan rasa bangga kerana dapat menabur bakti di sebuah Kementerian yang agak besar," katanya.

Beliau seterusnya berjanji memikul tugas barunya itu dengan penuh tanggungjawab dan amanah dalam memelihara keamanan, kedaulatan dan maruah negara demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

-- BERNAMA

RZS PR